

<b>Headline</b>	<b>MIDF ulang saranan beli saham TNB</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Date</b>	<b>20 Jul 2019</b>	<b>Readership</b>	<b>246,756</b>
<b>Circulation</b>	<b>82,252</b>	<b>Page No</b>	<b>24</b>
<b>Section</b>	<b>Bisnes</b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>312 cm<sup>2</sup></b>		
<b>PR Value</b>	<b>RM 30,993</b>		



## MIDF ulang saranan beli saham TNB

**MIDF Research** mengulangi saranan 'beli' ke atas Tenaga Nasional Bhd (TNB) pada harga sasaran tidak berubah pada RM14.40.

Dalam notanya semalam, firma penyelidikan itu berkata hasil dividen sebanyak empat peratus, peningkatan perbelanjaan modal (capex), mencadangkan ruang untuk dividen terus meningkat atau pertumbuhan perolehan, manakala penjanaan keuntungan daripada aset gentian teras menjadi pemangkin utama bagi saham.

Dalam lawatan ke projek solar berskala besar (LSS) 1 TNB, TNB Sepang Solar (TSS), MIDF berkata dijangka capex bagi kabel, tidak termasuk kos bagi *Right of Way*, adalah RM1 juta bagi setiap kilometer (km).

"Walaupun butiran capex sebenar akan datang tidak diberikan,

kami menganggarkan TSS akan mencatatkan capex antara RM5.5 juta hingga RM6 juta setiap megawatt (MW) atau sejumlah RM275 juta hingga RM300 juta berikutkan kos projek itu dibuat sekitar 2016," katanya.

MIDF Research berkata, kos dijangka berkurangan kepada RM3 juta hingga RM4 juta/MW sekarang dan ini sepatutnya dicerminkan dalam projek LSS2 (TNB Bukit Selambau) atau LSS3 bergantung pada bila kos itu dimuktamadkan.

Untuk rekor, Tenaga menerusi TSS telah memenangi bidaan LSS1 untuk membina dan mengendalikan operasi projek solar 50MW di tapak seluas 98.34 hektar di Kuala Langat, yang dipajak daripada Tenaga pada kadar pasaran, di bawah perjanjian pembelian tenaga kuasa selama 21 tahun. —BERNAMA



**MIDF Research** mengulangi saranan 'beli' atas saham TNB pada harga sasaran RM14.40 sesaham. (Foto Hiasan)